

Mutu pengurusan, pengajian

BERITA MINGGUAN 9.12.2007 MS 14

Prof Madya Zita Mohd Fahmi

? Apakah fungsi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

MQA yang ditubuhkan pada 1 November lalu mempunyai peranan utama untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQR) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria serta standard kelayakan kebangsaan.

ia sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti serta akreditasi pendidikan tinggi negara. MQA memberi perakuan akreditasi kepada program yang memenuhi kriteria dan standard ditetapkan. Selain itu, memudahkan cara pengiktirafan dan penyeteraan kelayakan.

? Bagaimana untuk mengkategorikan sama ada universiti itu berkualiti atau tidak.

Kita lihat dari segi peranan MQA ialah membuat akreditasi program dan mengaudit institusi. Bagi sesebuah kolej atau universiti yang diberikan program akreditasi mereka perlu menunjukkan dapat memenuhi standard kita.

Ada sembilan kriteria yang perlu dipenuhi seperti menjalankan program itu seperti visi, misi dan hasil pembelajaran; reka bentuk dan penyampaian program; pengambilan dan sistem sokongan pelajar; sistem penilaian hasil pembelajaran; staf akademik; kemudahan pengajaran dan pembelajaran; penilaian program; kepimpinan dan pentadbiran, serta penambahbaikan kualiti berterusan.

Kita juga akan melihat sama ada pelajar itu berupaya mencapai objektif program. Apa yang kita berikan lebih tumpuan ialah kualiti peringkat akhir.

Bagi institusi pula, kita lihat kekuatan tenaga manusia, sistem pengurusan berkualiti, infrastruktur atau prasarana yang membolehkan dapat menyokong pembelajaran dan pengajaran. Itulah matlamat kita menentukan sama ada institusi itu berkualiti atau tidak. Dalam MQA kita menekankan dua aspek iaitu program akreditasi dan audit institusi.

? Apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur kualiti.

Pertama, perlu mendapat kelulusan untuk menjalankan sesuatu

program. Dari situ, kita sudah mula menilai kertas cadangannya. Dalam kertas cadangan perlu menunjukkan kurikulum, sistem yang digunakan, guru mengajar.

Jika memenuhi sekurang-kurangnya tahap paling minimum, kita boleh syorkan diberikan kelulusan. Kawalan bermula dari peringkat awal. Kita ada standard yang perlu dipatuhi. Kita akan memantau dan membuat akreditasi secara menyeluruh.

Pemantau menyeluruh memerlukan pergi ke institusi berkenaan bukan melihat dokumen saja. Bagi program biasa kebiasaannya dua hari dan perubahan selalunya lima hari.

Kumpulan panel pula berbeza. Ada dua, tiga atau lima orang. Jika perubahan pemantauan lebih teliti sehingga ke hospital. Kita melihat layanan kepada pesakit, kemahiran memberikan rawatan. Itu yang kita hendak lihat.

Kita bukan saja melihat rekod jawapan peperiksaan tetapi kita lihat bagaimana kurikulum itu disemak, jawatankuasa program, jawatankuasa yang melihat peperiksaan, untuk menentukan keberkesanan program kepada pelajar.

Justeru, kita perlu turun padang untuk melihat keadaan sebenar. Jika institusi itu mempunyai perpustakaan kita akan tengok bahan yang disediakan. Jika terdapat sistem online, sistemnya apa. Jika bidang kejuruteraan pula, kita perlu tengok kemudahan makmalnya, peralatan mencukupi.

ia lebih kepada bagaimana pembelajaran dan pengajaran itu berlaku. Perlu menunjukkan bahan dan bukti sekali. Kerana itu, ia agak kompleks dan hanya pakar dalam bidang berkenaan boleh membuat penilaian.

? Adakah penilaian MQA ini diterima pakai sehingga peringkat antarabangsa.

MQA baru sebulan. Jadi kita ambil apa yang pernah diakreditasi oleh LAN sebelum ini. Ambil kira diakreditasi oleh LAN, saya kira negara luar yang menghantar pelajar ke sini mengiktiraf program ini mengikut keperluan mereka.

? Apakah persamaan piawaian MQA dan THES.

MQA akan membuat program akreditasi. Kita akan tengok audit peringkat institusi. Kita tengok

dari semua segi. Apa yang kita tidak buat ialah pandangan dari pihak luar. Program akreditasi kita tidak menunggu maklum balas pihak luar.

Jika THES, mereka mendapatkan pandangan pihak luar. Ia bermaksud mereka akan memilih orang tertentu untuk menemuduga bagi maklum balas sama ada universiti itu bagus atau tidak. Mereka memilih panel berdasarkan kriteria yang mereka tetapkan.

Panel THES ini akan meminta pandangan ahli akademik mengenai sesebuah universiti. Mereka akan memberikan markah. Satu lagi ialah mereka mahukan pensyarah universiti mempunyai penyelidikan dan penulisan yang diterbitkan di jurnal antarabangsa dan dirujuk orang ramai.

Mereka hendak menunjukkan kualiti penyelidikan itu tinggi. Satu lagi ialah rujukan daripada orang yang bekerja di sana. Lulusan universiti yang biasa majikan ambil bekerja.

Tetapi perkara ini bergantung kepada tanggapan orang juga. Akan berbeza sekali lagi bergantung kepada penilai dan kepada tanggapan selain daripada data yang dikumpul. Mereka buat seperti satu kaji selidik saja. Kita pergi ke universiti, kita melawat dapat data dan ada asas untuk menilai. Proses itu yang berbeza.

? Sejauh manakah penilaian MQA ini penting.

Semua institusi kata bagus. Itu pandangan dalaman. Sistem sekarang untuk memberi keyakinan kepada orang luar banyak negara menubuhkan badan jaminan kualiti.

“Sistem sekarang untuk memberi keyakinan kepada orang luar banyak negara menubuhkan badan jaminan kualiti. Ia perlu ada badan luar yang mengesahkan sama ada gred A atau tidak”

universiti perlu dipertingkatkan

Ia perlu ada badan luar yang mengesahkan sama ada gred A atau tidak. Ini untuk meningkatkan lagi keyakinan awam sama ada tempatan mahupun luar negara. Ini kaedah yang banyak digunakan.

? Adakah benar apabila IPT tempatan tidak berada dalam carta THES, bermakna IPT berkenaan tidak setanding luar negara dan pelajarnya juga tidak berdaya saing.

Bagi saya mudah. Kita lihat pelajar yang keluar dari universiti kita, apabila hendak menyambung pengajian ke universiti luar, mereka diterima. Ini bermakna universiti luar iktiraf pelajar kita untuk buat sarjana dan ijazah. Isu kualiti ini, ukuran orang berbeza. Tengok kualiti lulusan, kualiti guru, kalau di IPT baik. Saya nampak perkara itu diberi perhatian dalam persaingan.

? Apakah peranan MQA untuk meningkatkan kualiti IPT.

Peranan MQA adalah terus membantu mereka meningkatkan kualiti. Saya tengok apabila kita buat audit, sekiranya ada kelemahan, kita akan bantu. Ini kelemahan fakulti ini, sistem yang tidak jelas, mungkin kemudahan bahagian ini tidak cukup.

Kerja MQA adalah memberitahu mereka, apa yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Kita akan bantu mereka terus buat penambahbaikan. Itu tugas MQA. Mereka juga boleh gunakan keputusan kita untuk dapat bantuan lebih, kewangan lebih,

jawatan lebih.

Tapi niatnya untuk membantu institusi itu menjadi terus baik. Fokus kita adalah membantu pengurusan mereka terus bertambah baik. Apabila ada peningkatan, pandangan orang luar menjadi lebih senang.

Hasil bagus, penyelidikan bagus, pensyarah terkenal, jurnal dan penyelidikan dibawa ke peringkat antarabangsa. Kami bantu mereka dari sudut itu berdasarkan maklum balas kita bagi ketika kita buat penilaian.

Contohnya seperti ISO. Jika ada proses yang tidak diikuti, kita akan beritahu. Terpulang pada mereka, jika ingin kekalkan sijil, peningkatan demi peningkatan perlu diteruskan. Jangan kita ulang kelemahan yang ada.

Jika mereka terus bertambah baik, pasti punya daya saing dan perlu bertambah baik. MQA tidaklah kata, untuk dapatkan semua itu mereka perlu ada semua tenaga pengajar dengan sarjana. Tidak. Itu tugas orang lain.

Kedua kita lihat apa keputusan soal selidik. Itu pun bagus juga sebab kita tengok pandangan orang ramai. Mungkin ada universiti yang mengatakan mereka lebih baik, itu biasa. Cara lain yang kita lakukan adalah sistem penarafan. Kami menyediakan satu ukuran untuk mengetahui sejauh mana kekuatan mereka sebenarnya. Sama ada penulisan atau mungkin program yang ditawarkan. Itu satu sistem yang juga cuba dibangunkan. bagi membantu mereka meningkatkan lagi kualiti institusi.

? Apakah kelemahan yang dikesan pada kebanyakan IPT berkenaan ketika penilaian.

IPTA saya tak berani cakap sekurang kerana MQA baru ambil alih tugas mengakreditasi IPTA selama sebulan. Bagi saya IPTS ada ruang meningkat misalnya segi menambah tenaga pensyarah, peningkatan pelan pembangunan pensyarahnya misalnya hantar mereka pergi belajar.

Bagi saya, pengajaran pedagogi itu penting. Menjadi guru senang malah, semua orang boleh menjadi guru tetapi hendak menyampaikan pendidikan itu bukan semua orang boleh lakukan. Jadi, ada ruang yang perlu dipertingkatkan.

Kelemahan lain mungkin daripada sistem pengurusan. Ada ruang lagi untuk mereka perbaiki supaya lebih mantap. Kurikulum subjek dari sema-

sa ke semasa perlu diteliti bagi memastikan bahan yang diajar kandungannya mengikut keperluan semasa.

Dua perkara itu sangat penting. Sistem pengurusan dan yang kedua tenaga pengajar. Pengurusan juga perlu menyeluruh kerana kadangkala pihak bawahan hendak lakukan sesuatu projek tetapi tidak ada sokongan, pasti tidak terlaksana. Di IPTS, yang penting adalah kewangan kerana mereka hendak mendapatkan tenaga pengajar berkualiti, hendak beli kemudahan, makmal dan sebagainya.

? Adakah pendedahan IPT yang tidak berkualiti menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap IPTA kita.

Saya selalu mengingatkan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPT supaya mencari kursus yang dapat akreditasi. Jika mereka hendak mohon, kena bersedia dulu dan perlu ada sistem.

Jika semua lengkap, memenuhi piawaian, baru mereka mohon. Itu tandanya IPT berkenaan sudah mencapai satu tahap yang berkualiti. Saya rasa, itulah yang patut diberitahu kepada semua pelajar kerana bukan semua program berkualiti.

Jadi, ikut proses yang ditetapkan, baru MQA bagi akreditasi. Saya selalu nasihatkan pelajar periksa apa program yang mereka ingin ambil, jenis institusi yang ingin mereka pergi. Tidak lama lagi pasti ada hari terbuka dibuat IPT. Ambil peluang ini untuk melihat dan bertanya mengenai program yang mereka mahu.

? Adakah standard yang ditentukan MQA setanding antarabangsa.

Ya. Apabila kita rangka standard, kita memang perlukan tanda aras. Bukan hanya dari pandangan tempatan tapi juga antarabangsa. Kita mahu satu sistem yang membolehkan pelajar kita bergerak (ke luar) dan mendapat pengiktirafan luar.

Tidak guna buat akreditasi jika hanya ikut piawaian kita saja. Orang luar pun susah nak faham. Jadi, sistem kita ada tanda aras berlandaskan sistem dari Eropah, Australia. Kerana kita sedang berbicara mengenai globalisasi. Pasaran global. Jadi, kita tentu mahu tenaga profesional tempatan menembusi pasaran global dengan mudah.

